

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, January 20, 2020 8:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Pembangunan Dan Pemurnian Modul Tingkatkan Kemahiran Pembangunan Keusahawanan Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 JANUARI 2020 / 24 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CEDI

BENGKEL PEMBANGUNAN DAN PEMURNIAN MODUL TINGKATKAN KEMAHIRAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN PELAJAR



UUM ONLINE: Pulau Pinang – “Jadikan pelajar UUM sebagai pencipta kerja bukan pencari kerja,” kata Pengarah CEDI, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam pada Bengkel Pembangunan Modul ANSAF dan Future Learning Education Development (FULED) di Hotel Copthorne, baru-baru ini.

Bengkel yang disertai penulis modul terdiri pensyarah dari UUM COB dan UUM CAS itu berlangsung selama tiga hari bertujuan untuk memperkukuhkan dan membangunkan modul-modul keusahawanan pelajar.

Dr. Chandrakantan berkata, pada masa kini, jumlah graduan yang berniaga di luar kampus adalah sebanyak 2.5 peratus berbanding dengan KPI yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu 4 peratus pelajar yang terlibat dalam bidang perniagaan selepas bergraduasi.

Menurutnya, KPI keusahawanan pelajar juga telah berubah daripada 12 peratus pelajar yang terlibat dalam perniagaan semasa pengajian telah ditingkatkan kepada 15 peratus oleh KPM bagi pelajar yang menjalankan perniagaan di dalam kampus.

“Justeru, saya mahu pelajar mengubah mentaliti mereka daripada menjadi pencari kerja kepada mencipta pekerjaan menerusi bidang keusahawanan ini,” katanya.

Pada bengkel tersebut, beliau menyatakan bahawa kedua program ASNAF dan FULLED yang bakal dilaksanakan kelak adalah selaras dengan aspirasi KPM.

Beliau berkata, KPM telah menyalurkan sejumlah dana bagi pelaksanaan program keusahawanan dalam kalangan pelajar IPTA dan mengikut rekod, jumlah terkini pelajar yang menjalankan perniagaan di dalam kampus pada tahun 2019 adalah seramai 2,800 orang merangkumi pelajar dari pelbagai program pengajian di UUM.

Tambahnya, CEDI telah menyediakan platform seperti Permit Gerai Sementara dan premis untuk pelajar menjalankan perniagaan di dalam UUM.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.